

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**[ LEMBAH PANTAI ]**  
**RUJUKAN : BL8 [PR-1331-T66414]**  
**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-**

- a) tindakan DBKL berkenaan tumpahan konkrit di Jalan Kerinchi berhampiran persimpangan Jalan Kerinchi/Jalan Kerinchi Kiri, yang membahayakan pengguna, terutamanya penunggang motosikal yang menggunakan jalan tersebut; dan
- b) syarikat yang bertanggungjawab atas tumpahan konkrit tersebut, dan tindakan yang dikenakan kepada syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Kementerian ini mengambil maklum bahawa sebarang tindakan menjatuhkan, menumpah, atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, batu, kerikil, rumput, sampah atau apa-apa barang lain atau atau benda di sesuatu tempat awam dari sesuatu kenderaan bergerak atau berhenti atau dengan apa-apa cara lain boleh diambil tindakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan peruntukan seksyen 47(1)(e) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dengan mengeluarkan kompaun bagi kesalahan tersebut.

Menurut maklumbalas yang diterima, berdasarkan siasatan tapak yang dijalankan telah mendapati bahawa pemaju yang aktif di sekitar kawasan tersebut adalah Syarikat AMONA. Walau bagaimana pun, hasil siasatan turut mendapati terdapat juga beberapa syarikat lain yang telah melalui kawasan tersebut di antaranya adalah Syarikat Cemex serta beberapa syarikat lain yang tidak dikenalpasti. Syarikat-syarikat tersebut telah melalui kawasan berkenaan secara haram dan lebih aktif pada waktu malam.

Berdasarkan rekod terkini, tiada syarikat yang pernah memohon permit untuk membawa bahan berkenaan di sekitar kawasan tersebut. Pihak DBKL juga telah mengeluarkan surat peringatan dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di kawasan yang telah dikenalpasti.

Berhubung dengan itu, sejumlah 52 notis kesalahan telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pengangkutan Bahan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 bagi tahun 2014 sehingga 28 Februari 2015.

DBKL turut mengaturkan operasi bersepadu yang dinamakan '**OPS BERSIH**' bersama agensi Kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) bagi mengambil tindakan ke atas lori-lori yang membawa, menjatuhkan tanah, simen, pasir dan batu-batu serta menyebabkan kekotoran jalan. Berdasarkan statistik operasi daripada tahun 2014 sehingga 28 Februari 2015, sejumlah 39 notis kesalahan telah dikeluarkan dengan sebanyak 14 buah lori ditahan di lokasi.